

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JUN 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

### Bantuan tunai bersasar tangani kesan kadar inflasi negara

# Bantuan tunai bersasar tangani kesan kadar inflasi negara

## Strategi dirangka kurangkan implikasi penyasaran subsidi bahan api

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi  
[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Inisiatif penyelarasan semula subsidi membabitkan bahan api dijangka memberi kesan kepada kadar inflasi negara, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Bagaikanapun, Rafizi berkata pelaksanaan itu melalui strategi yang sudah dirangka dengan baik bersama-sama dengan bantuan tunai bersasar akan membantu mengurangkan kesan itu.

Sebagai contoh, kerajaan masih memberikan subsidi dan mengekalkan harga diesel pada kadar RM2.15 setliter kepada 23 jenis kenderaan logistik melalui Sistem Kawalan Diesel Bersubs-

sidi (SKDS) 2.0, pengekalan harga diesel RM1.88 bagi pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba, kadar RM1.65 kekal kepada nelayan dan turut menyediakan bantuan subsidi tunai BUDI MADANI.

"Bank Negara Malaysia (BNM) melalui penerbitan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 menjangkakan pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan memberi implikasi jangka pendek kepada kadar inflasi negara.

"Kadar inflasi bagi 2024 diunjurkan pada kadar antara dua hingga 3.5 peratus.

"Keadaan ini sebahagiannya disebabkan peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar, terutama membatikan subsidi bahan api," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam menjawab soalan Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Payar Besar).

Rafizi berkata, kedudukan maklumat kerajaan makin mencabar dan memerlukan komitmen bagi menyasarkan semula subsidi yang menjadi antara komponen utama dalam belan-

jawan mengurus. Mengenai langkah mitigasi, Rafizi berkata, berdasarkan undian yang dilakukan beberapa organisasi antarabangsa seperti S&P Global, EIU dan Bloomberg, purata harga global bagi minyak Brent dijunur pada AS\$85 setong bagi 2024.

"Bagaimanapun, jika harga minyak naik secara mendadak, kerajaan melalui Kementerian Kewangan, BNM dan Kementerian Ekonomi akan membuat peralihan semula mengikut keperluan semasa. Ini bagi memastikan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah tidak terbebas dengan sebarang perubahan harga," katanya.

Menjawab soalan Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem (GPS-Serian), Rafizi berkata kerajaan sedang meneliti keperluan melaksana rasionalisasi subsidi ke atas petrol RON95.

#### Ambil langkah bersesuaian

Katanya, jika rasionalisasi subsidi ke atas bahan bakar itu dilaksanakan akan datang, kerajaan akan mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan golongan terkesan diberikan bantuan sewajarnya.

"Namun, buat masa ini, tumpuan dan keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan subsidi diesel sehingga pelaksanaan penyasaran subsidi diesel

menjadi stabil.

"Sekali gus mencapai objektif ditetapkan, antaranya untuk memperkuuh kemampaman fiskal negara serta mengurangkan ketirisan dalam pengagihan subsidi diesel," katanya.

Beliau berkata penyasaran semula subsidi salah satu anjuran besar dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKE-12), penting dalam usaha memperkuuh kemampaman fiskal dan memastikan hanya kumpulan sasar benar-benar layak menerima bantuan dan subsidi.

"Sejak 2016, kerajaan sudah menyediakan peruntukan subsidi dan bantuan sosial secara purata sebanyak RM23.0 bilion setahun. Jumlah ini melonjak kepada RM67.3 bilion pada 2022 akibat kenaikan harga komoditi minyak mentah dan minyak sawit."

"Memandangkan subsidi bahan api komponen kedua terbesar meliputi 12.3 peratus daripada perbelanjaan mengurus pada 2023, terdapat keperluan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi bahan api," katanya.

**K**eadaan ini sebahagiannya disebabkan peralihan secara berperingkat ke arah mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar, terutama membatikan subsidi bahan api

*Rafizi Ramli,  
Menteri Ekonomi*

